

KISAH KEJAYAAN USAHAWAN

Maklumat Individu/ Organisas	<table><tr><td>Nama</td><td>Noranita Binti Abdullah</td><td>Umur</td><td>36 Tahun</td></tr><tr><td>Email</td><td>anita@gmail.com</td><td>No. Telefon</td><td>01116924096</td></tr><tr><td>Alamat</td><td>Felda Tementi, 28200 Bera, Pahang</td><td>Tahun menjadi Ahli PI1M</td><td>11/10/2016</td></tr></table>				Nama	Noranita Binti Abdullah	Umur	36 Tahun	Email	anita@gmail.com	No. Telefon	01116924096	Alamat	Felda Tementi, 28200 Bera, Pahang	Tahun menjadi Ahli PI1M	11/10/2016
Nama	Noranita Binti Abdullah	Umur	36 Tahun													
Email	anita@gmail.com	No. Telefon	01116924096													
Alamat	Felda Tementi, 28200 Bera, Pahang	Tahun menjadi Ahli PI1M	11/10/2016													
Kisah kejayaan	Latar belakang Puan Noranita merupakan seorang suri rumah dan pernah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Pusat Internet 1 Malaysia Kluster Bera. Beliau menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di rumah bertujuan untuk mengisi masa lapang. Memandangkan hobinya adalah memasak, beliau menjadikan hobinya itu sebagai sumber pendapatan sampingan kepada keluarganya. Antara kek yang dihasilkan seperti cheese cake, coklat cake dan sebagainya. Makanan traditional yang pernah dijual pula seperti kuih keria Melaka, pudding raja dan banyak lagi. Puan Noranita tidak begitu mahir menggunakan komputer memandangkan beliau jarang menggunakan komputer. Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M Beliau sebelum ini hanya menggunakan medium facebook untuk tujuan mempromosikan perniagaannya. Beliau sukar untuk menggunakan komputer kerana tiada ilmu dan kemahiran mengenai komputer. Dari segi mempromosikan produk, beliau tidak melakukan secara menyeluruh kerana hanya menggunakan facebook tetapi tidak begitu mahir mengenai cara untuk mempromosikan produk. Memandangkan ini adalah perniagaan secara kecil-kecilan, beliau akan menghasilkan kek atau kuih mengikut permintaan pelanggan. Pendapatan beliau dalam menguasai kuih muih tradisi dan kek dalam sebulan sekitar RM350 Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M Setelah penglibatan beliau dengan beberapa program yang dijalankan oleh Pi1m Kluster Bera seperti Bengkel MyShop dan Asas Fotografi. Disini beliau dapat belajar cara untuk menangkap gambar menggunakan peralatan mini studio. Melalui bengkel ini beliau dapat belajar cara untuk menghasilkan gambar yang lebih menarik minat para pelanggan dan hasil gambarnya adalah seakan-akan menggunakan studio dengan kos yang lebih rendah. Selain itu beliau juga diperkenalkan dengan satu aplikasi untuk mempromosikan produk iaitu aplikasi Dashboard (MyShop). Platform media sosial lain juga turut diselitkan di dalam bengkel ini seperti medium facebook. Beliau dapat belajar cara untuk mempromosikan produk dengan betul menggunakan medium ini. Petugas juga turut mengajar cara untuk menggunakan Microsoft Office Powerpoint dimana, beliau perlu menghasilkan slide pengenalan produk dan seterusnya mempersembahkan kepada peserta yang lain. Pembelajaran ini dapat meningkatkan keyakinan diri secara tidak langsung. Puan Norita yang sebelum ini tidak pernah menggunakan Microsoft tersebut sudah boleh menggunakannya walaupun masih tidak cekap.   Antara gambar Puan Noranita yang menyertai program keusahawanan yang dianjurkan oleh Pi1M & laman sosial Facebook beliau yang dijadikan medium mempromosikan produk.															